



MAJLIS PERBANDARAN KEMAMAN

KENYATAAN SEBUT HARGA

1. Sebut Harga adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB)** dan **Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)** dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan yang hanya masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut:

BIL	NO. TAWARAN DAN TAJUK	TARAF / KOD BIDANG	SYARAT PENYERTAAN SEBUT HARGA	TARIKH & TEMPAT PENJUALAN DOKUMEN	TARIKH, MASA & TEMPAT TUTUP SEBUT HARGA	HARGA DOKUMEN
1.	MPK/S/K/2026/19 PENYELENGGARAAN TAHUNAN LAMPU JALAN MAJLIS PERBANDARAN KEMAMAN BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN. Harga Indikatif Jabatan : RM 200,000.00	Berdaftar dengan : i) PKK - Memiliki Taraf Bumiputera ii) CIDB - Gred : G1 - Kategori : ME - Pengkhususan : E11, E16, E17 & E21 - Gred : G1 / G2 - Kategori : ME - Pengkhususan : E04 Tax Compliance Certificate (TCC) adalah dokumen wajib dikemukakan semasa menghantar dokumen sebut harga. Kelayakan : Kontraktor Daerah Kemaman Sahaja	Tiada lawatan tapak Tiada taklimat sebut harga Hanya penyebut harga yang TELAH MENGEMUKAKAN SLIP BAYARAN SAHAJA akan menerima pautan muat turun melalui e-mel untuk memuat turun dokumen sebut harga Bayaran secara atas talian ke nombor akaun rasmi milik MAJLIS PERBANDARAN KEMAMAN 13026010062591 (Bank Islam) Sila hantar bukti transaksi pembayaran melalui e-mel ke perolehan.mpkemaman@gmail.com Sila nyatakan dengan jelas : i) Nama akaun yang digunakan semasa pembayaran dibuat ii) Nama syarikat iii) Nombor sebut harga iv) Nombor telefon untuk dihubungi v) Salinan sijil pendaftaran CIDB, PKK & SSM	Tarikh mula dijual: 13/04/2026 Tarikh akhir dijual: 19/04/2026 (Bukti pembayaran mestilah di e-mel sebelum jam 4:00 petang) Dokumen Sebut Harga boleh dimuat turun (Download) melalui capaian URL (Link URL) yang akan di e-melkan kepada penyebut harga yang telah membuat bayaran sahaja	Tarikh ditutup: 21/04/2026 Waktu ditutup: 12:00 tengah hari Tempat ditutup: Peti Sebut Harga & Tender Kaunter Bersepadu, Tingkat 1, Majlis Perbandaran Kemaman, 24000 Kemaman. Bukti pembayaran mestilah dilampirkan bersama semasa mengemukakan dokumen.	RM 15.00

2. **PEMBELIAN DOKUMEN SECARA DALAM TALIAN** adalah **DIWAJIBKAN** bagi menggantikan Taklimat dan Lawatan Tapak.
3. Pendaftaran yang tidak lengkap, tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan serta melebihi tempoh masa yang ditetapkan seperti di atas adalah **TIDAK LAYAK** menyertai Tawaran ini. Pihak Jabatan berhak menolak pendaftaran yang tidak lengkap dan keputusan adalah Muktamad.
4. **PEMALSUAN DOKUMEN** di dalam Borang Pendaftaran dan Dokumen berkaitan seperti SPKK (CIDB), PKK (CIDB), STB (BPKU) dan lain-lain dokumen yang berkaitan adalah **TERBATAL**.
5. Dokumen sebut harga yang telah lengkap diisi dengan sempurna dan ditandatangani hendaklah **dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri, dengan nombor dan tajuk sebut harga dituliskan dikirinya dan dihantar dengan tangan sebelum jam 12:00 tengah hari atau secara pos** dan dimasukkan ke dalam peti sebut harga di alamat berikut:

**PETI SEBUT HARGA & TENDER
KAUNTER BERSEPADU, TINGKAT 1,
MAJLIS PERBANDARAN KEMAMAN,
24000 KEMAMAN.**

6. Tawaran yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan sama sekali.
7. MPK tidak terikat menerima tawaran terendah atau sebarang tawaran atau memberi apa-apa sebab sesuatu tawaran itu ditolak dan juga tidak bertanggungjawab ke atas perbelanjaan tawaran ini.
8. Sebarang pertanyaan sila hubungi kami di talian 098597777, sambungan 244 dan 246, melalui WhatsApp 01163197878 atau e-mel perolehan.mpkemaman@gmail.com

**YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN KEMAMAN**

Tarikh : 13/04/2026